

5.0 Pelan Pelaksanaan

Bab ini menyediakan rangka kerja keseluruhan untuk semua aspek pelaksanaan bagi rangkaian ekologi yang telah dicadangkan dalam Pelan Induk ini di mana perincian aspek berkaitan penentuan institusi yang diperlukan untuk melaksanakan Pelan Induk, tanggungjawab pelaksanaan pihak berkepentingan yang terlibat, anggaran kos, sumber pembiayaan untuk melaksanakan rangkaian yang dicadangkan dan potensi faedah pendapatan daripada perdagangan karbon dibincangkan.

5.1 Rangka Kerja Institusi secara Keseluruhan

Pelaksanaan rangkaian ekologi memerlukan satu rangka kerja institusi yang menyeluruh untuk menangani isu-isu berkaitan dasar, pembentukan pelan-pelan, program, peraturan, melaksanakan inisiatif-inisiatif yang telah dikenalpasti, memantau dan mengawasi seperti mentauliahkan penyelidikan, pendidikan, komunikasi dan publisiti termasuk meningkatkan kesedaran. Ini melibatkan pihak berkepentingan di pelbagai peringkat iaitu nasional, negeri dan yang lebih penting adalah komuniti tempatan.

Rangka kerja institusi keseluruhan yang dicadangkan untuk CFS melibatkan tanggungjawab di empat peringkat aktiviti terdiri daripada:-

- i. Aspek dasar,
- ii. Perancangan,
- iii. Pelaksanaan dan
- iv. Pemantauan, seperti di Rajah 5.1.

5.1.1 Aspek Dasar

Tanggungjawab utama untuk penubuhan rangka kerja dasar berkaitan rangkaian ekologi seharusnya melibatkan tanggungjawab dua majlis utama secara bersama, iaitu Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan Majlis Biodiversiti Negara (MBN) kerana perkara-perkara berkaitan rangkaian ekologi melibatkan kedua-duanya iaitu perancangan spatial dan biodiversiti. Dua majlis lain yang dikenalpasti yang boleh membantu dan menyokong majlis utama dalam hal-hal berkaitan tanah dan kepentingan Negara adalah Majlis Perhutanan Negara dan Majlis Tanah Negara. Institusi seterusnya yang diperlukan ialah apabila pelan yang dicadangkan memerlukan sokongan perlembagaan untuk pengesahan. Perkara-perkara berkaitan hutan boleh dibangkitkan kepada institusi majlis utama (sekiranya perlu), dan perkara ini akan diambilkira oleh pihak kerajaan negeri.

MPFN dan MBN adalah majlis-majlis utama dalam menyelia pelaksanaan rangkaian ekologi kerana kedua-duanya berurusan secara terus dalam aktiviti-aktiviti perancangan berkaitan koridor-koridor yang dicadangkan

MPFN merumus dan mengkoordinasi aspek fizikal bagi perancangan tanah merentasi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Berhubung penyimpanan dan pengurusan biodiversiti dan persekitarannya, MPFN menguruskan pelaksanaan Rancangan Fizikal Negara (RFN) mengikut cara berikut:¹


- Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) diintegrasikan dalam perancangan dan pengurusan guna tanah dan sumber asli untuk memastikan pembangunan mampan.
- 'Central Forest Spine' (CFS) diwujudkan untuk membentuk tulang belakang kepada jaringan kawasan sensitif alam sekitar (KSAS).
- Ekosistem pantai yang sensitif harus dilindungi dan digunakan dengan cara mampan.
- Pembangunan tanah di kawasan tanah tinggi perlu dikawal ketat dalam usaha penjagaan keselamatan manusia dan kualiti persekitaran.
- Semua permukaan dan sumber air bawah tanah yang perlu dijaga dan digunakan secara optimal.

MBN pula mengambil langkah secara lebih terperinci berkenaan aspek biodiversiti rangkaian ekologi dan akan bertanggungjawab dalam memastikan rangkaian tersebut dilaksanakan sepanjang masa. Di dalam melaksanakan rangkaian di bawah Pelan Induk CFS, laporan ini perlu diterima dan diluluskan oleh MPFN melalui JPBD. Dijangkakan suatu arahan dasar dibuat bagi membolehkan MBN untuk mengambil-alih tugas rangkaian yang dicadangkan dalam laporan ini. Seterusnya MBN akan berbincang untuk mempertimbangkan cadangan-cadangan dan menentukan pelan tindakan serta agensi pelaksana dengan kelulusan ahli-ahli Majlis, khususnya dari pihak kerajaan negeri.

Oleh yang demikian, penyelarasan kerja dan kerjasama antara kedua-dua agensi harus diwujudkan bagi memastikan kecekapan dan kesinambungan dalam membuat keputusan di peringkat MPFN akan diambil kira oleh MBN. Untuk itu, adalah penting bagi JPBD yang juga sekretariat bagi MPFN diberikan tempat sebagai anggota tetap MBN, seperti mana NRE menjadi sekretariat bagi MBN yang diberikan tempat sebagai anggota tetap MPFN.

¹ Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (2004), Notes on stakeholders workshop on National Biodiversity Policy, 7 Mac

Rajah 5.1: Rangka kerja Institusi Keseluruhan untuk Koridor Ekologi



5.1.2 Pembentukan Program dan Perancangan

Pembentukan pelan dan program akan dilaksanakan dalam dua peringkat, iaitu Pelan Induk Koridor Ekologi keseluruhan dan pelan pelaksanaan terperinci untuk setiap rangkaian ekologi yang telah dikenalpasti dalam Pelan Induk keseluruhan. Tanggungjawab penting untuk penyediaan Pelan Induk secara keseluruhan adalah di bawah JPBD iaitu sebagai agensi perancang yang menjadi sekretariat kepada MPFN manakala pembentukan program pelaksanaan untuk rangkaian ekologi yang dikenalpasti oleh Pelan Induk, termasuk peruntukan akan dikendalikan oleh NRE. Bagi setiap rangkaian yang telah dikenalpasti oleh Pelan Induk, program tindakan yang terperinci perlu disediakan dan ianya harus membentuk satu kerjasama di antara agensi-agensi utama seperti JPBD, Jabatan Perhutanan dan PERHILITAN.


5.1.3 Pelaksanaan Pelan dan Program

a. Agensi Utama Pelaksana

NRE adalah agensi paling sesuai dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan rangkaian ekologi kerana ia terdiri daripada sejumlah majlis-majlis lain serta agensi-agensi penting yang berkaitan seperti Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (FD), Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), dan lain-lain agensi. Jabatan Pemuliharaan dan Persekitaran di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) merupakan sekretariat untuk MBN akan mengetuai jawatankuasa pelaksana dalam jangka masa pendek.

Kebanyakan daripada usaha akan melibatkan keperluan untuk mewartakan rangkaian yang dikenalpasti sebagai rezab hidupan liar jenis tertentu, termasuk tempat perlindungan hidupan liar. Bagaimanapun, pewartaan rangkaian seperti yang dinyatakan memerlukan agensi kerajaan negeri seperti Jabatan Perhutanan dan Pejabat Tanah dan Galian dan agensi Negeri-Persekutuan iaitu JPBD untuk menjalankan inisiatif sebegini sebelum peningkatan kemajuan aktiviti dapat dilaksanakan. Bagaimanapun, difahamkan ia adalah sesuatu kebiasaan untuk PERHILITAN meningkatkan inisiatif secara langsung dengan kerajaan negeri, jabatan perhutanan negeri, menjadi ahli bagi jawatankuasa negeri berkaitan, menasihati kerajaan negeri berkaitan pelan rancangan tersebut. Inisiatif-inisiatif itu boleh dilaksanakan sama ada oleh agensi negeri mengambil tindakan proaktifnya atau oleh melalui struktur persekutuan yang memulakan usaha melalui majlis-majlis disebutkan di atas, dan seterusnya NRE mengetuai inisiatif dalam mendapatkan agensi negeri untuk bekerjasama. Hubungan dalaman di antara majlis dan agensi pada pelaksanaan berlainan peringkat adalah seperti di Rajah 5.2.

Rajah 5.2: Mekanisma Pelaksanaan di antara Majlis, Agensi Utama dan Agensi Sokongan



Fakta 5.1: NRE sebagai Agensi Utama

NRE akan menjadi agensi utama dalam melaksanakan rangkaian ekologi yang dicadangkan. Peranan Kementerian ini berkait rapat dengan tujuan dan objektif projek ini. Oleh itu, sokongan dan pengesahan Kementerian ini adalah penting untuk kejayaan pelaksanaan projek. Beberapa majlis-majlis utama berkaitan pemuliharaan sumber semula jadi seperti Majlis Tanah Negara, Majlis Perhutanan Negara, NBC dan Majlis Mineral Negara termasuk di dalam skop Kementerian. Untuk tujuan melaksana rangkaian yang dikenalpasti di bawah CFS, adalah dicadangkan satu bahagian baru ditubuhkan dengan kakitangan utama dan memilih tenaga kerja dari seluruh bahagian/jabatan dalam NRE untuk bekerjasama dan berkolaborasi. Bahagian baru ini perlu mantap dari segi pengaruhnya untuk membolehkan pelaksanaannya berjaya dan untuk meyakinkan kerajaan negeri. Bahagian baru tersebut mesti diletakkan di bawah ketua setiausaha Kementerian untuk lebih berkesan.

b. Agensi Sokongan

Terdapat beberapa agensi utama yang akan memberi sokongan dan melaksanakan rangkaian ekologi. Peranan mereka akan ditentukan oleh rangkaian yang dicadangkan berasaskan kes. Agensi-agensi itu adalah:

- Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
- Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
- Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
- Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya (JKR)
- Pejabat Tanah dan Galian
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD)
- Jabatan Pertanian

c. Perkongsian

Perkongsian pintar dengan pihak agensi luar kerajaan perlu ditubuhkan terutama antara agensi utama dan pertubuhan bukan kerajaan, badan antarabangsa, institusi penyelidikan dan penaung (*'philanthropist'*). Kepelbagaian penglibatan pihak-pihak yang disenaraikan di atas boleh mewujudkan perkara-perkara seperti berikut:

- Bantuan teknikal dan geran khusus untuk pemuliharaan biodiversiti
- Memulakan kesedaran dan program pendidikan
- Meneraju perlindungan hidupan liar
- Kemungkinan menjadi ahli aktif dalam dana amanah (autonomous) yang dicadangkan untuk ditubuhkan di bawah Pelan Induk CFS, yang akan menekankan kepada perkongsian amanah awam-swasta
- Menaiktaraf sebahagian koridor di bawah pelan induk CFS untuk pemantauan dan penyelidikan.

5.1.4 Pemantauan

Pemantauan dan pengawasan koridor adalah penting untuk mencegah aktiviti pemburuan haram, hidupan liar dan pencerobohan. Agensi pengawalan untuk koridor tersebut sepatutnya bertanggungjawab ke atas hal tersebut. Ianya membabitkan penglibatan PERHILITAN, atau Jabatan Perhutanan atau Perbadanan Taman-taman Negeri. Pendidikan, penyelidikan dan publisiti adalah sama penting dalam meraih sokongan orang ramai untuk program-program yang dianjurkan. Agensi-agensi utama yang berkaitan termasuklah NRE, JPBD, PERHILITAN, Perbadanan Taman-taman Negeri dan NGO dan bajet tahunan perlu diperuntukkan berasaskan program yang berterusan dan bukan bajet untuk satu program perlaksanaan sahaja. Kejayaan projek ini adalah dalam menyambung rangkaian pulau-pulau hutan yang dikenalpasti di semenanjung, dan memastikan pergerakan spesis dalam taburan agihan serta berkemungkinan mengurangkan kepupusan spesis. Siri pelaksanaan dan mekanisme pembiayaan kewangan secara terperinci seperti di atas akan memerlukan satu penetapan tindakan bukan sahaja bagi perlaksanaannya tetapi juga untuk menguatkuasakan dan mengukuhkan hutan-hutan terlindung terutama terhadap aktiviti pemburuan, menangkap hidupan liar

dan aktiviti-aktiviti pencerobohan kediaman dan pembangunan pertanian dalam kawasan hutan yang telah dikenalpasti.

Penguatkuasaan pelaksanaan pelan-pelan itu akan memerlukan satu usaha bersepadu NRE sebagai pelaksana utama yang akan bertindak seperti satu badan perundingan untuk menjana, data holistik berkaitan isu-isu biodiversiti dan perkara-perkara yang penting. Peranannya sebagai sekretariat MBN akan menjadi sangat penting untuk memastikan MBN dapat mendorong dan merancang pelaksanaan, terutama apabila terdapat tarikan dalam rancangan itu yang memerlukan penglibatan semua pihak, terutama dengan kerajaan negeri dan agensi pelaksana sokongan yang lain. Pewartaan akan menjadi langkah utama dalam memastikan kejayaan pelaksanaan dasar berkaitan rangkaian. Pewartaan dan rundingan aktiviti dalam melaksanakan proses dengan semua agensi terlibat mesti dijalankan secara berterusan. Satu bentuk sistem maklum balas mesti diadakan supaya kesemua agensi-agensi pelaksana melaporkan kemajuan mereka kepada NRE. Sepatutnya, jika sistem maklum balas dan rundingan gagal, adakan satu keperluan untuk memanggil mesyuarat MBN sekurang-kurangnya dua atau tiga kali setahun berbanding sekali setahun seperti yang dipraktikkan ketika ini. Terdapat satu keperluan juga untuk membentuk *Technical Working Committees* dengan NRE selaku pengerusi dan dianggotai agensi-agensi lain serta JPBD dan JKR, termasuk agensi negeri untuk tujuan memudahkan pelaksanaan program. Jawatankuasa ini wajar kerap berjumpa berulang kali, berbanding perjumpaan MBN.

Aktiviti-aktiviti penguatkuasaan harus ditumpukan kepada perkara utama iaitu memastikan bahawa kedua-dua tumbuhan hijau dalam rangkaian yang dicadangkan serta pergerakan habitat berkembang tanpa sebarang halangan. Dalam menguatkuasakan perkara ini, kedua-dua Jabatan Perhutanan Negeri dan Persekutuan serta PERHILITAN perlu bekerjasama antara satu sama lain dalam melindungi dan mempertingkatkan pergerakan hidupan liar merentasi rangkaian itu, sekali lagi NRE menjadi agensi penyelaras. PERHILITAN perlu memberi perhatian lebih besar bagi memastikan pergerakan hidupan liar sekitar rangkaian itu tidak menjadi mangsa ketamakan manusia, terutama sekali dalam kawasan di mana rangkaian itu amat menarik perhatian pemburu-pemburu dan penceroboh. Penguatkuasaan tegas undang-undang sedia ada adalah penting dalam memastikan habitat hidupan liar dan pergerakan mereka adalah dilindungi. Jabatan mungkin perlu memeriksa keperluan untuk meningkatkan tenaga kerjanya untuk tujuan ini.

Adalah perlu bagi PERHILITAN dalam menyediakan personel penguatkuasaan di dalam taman hutan yang berada di bawah naungan kerajaan negeri. Ini memerlukan sama ada agensi kerajaan itu melaksanakan Akta Perhutanan Persekutuan dalam mewartakan taman mereka sebagai Taman Negara, namun berkemungkinan langkah drastik ini menerima bantahan daripada agensi kerajaan. Alternatifnya, kerajaan pusat mungkin mahu pelaksanaan penguatkuasaan dipanjangkan kepada pegawai PERHILITAN untuk melindungi hidupan liar dalam taman negeri. Ini akan memerlukan satu pemahaman jelas berkaitan peranan dan bidang kuasa kedua-dua pihak bagi mengelakkan pergeseran, syak wasangka dan salah faham bahawa kerajaan pusat cuba menghakis peranan agensi negeri dan mengambil alih tanggungjawab kerajaan negeri.

Langkah utama penguatkuasaan adalah bagi memastikan keputusan CFS sama seperti MBN dan MPFN dilaksanakan dalam kedua-dua Rancangan Struktur dan ancangan Tempatan bagi menggambarkan KSAS. Peranan RFN dan MPFN adalah amat penting untuk menterjemah perkara ini dalam bentuk pelaksanaan. Dalam memastikan keputusan diterjemah kepada tindakan dalam rancangan struktur dan rancangan tempatan, JPBD berperanan penting dalam menjana, mengemaskini dan mengurus data penggunaan tanah merentasi rangkaian ekologi. Terdapat satu keperluan untuk memastikan bahawa JPBD diwakili dalam MBN dan cekap dalam pelaksanaan keputusan.

Penguatkuasaan juga boleh diamalkan dengan cara mendidik orang awam, terutama penduduk dan orang ramai untuk menggunakan lintasan jalan yang digunakan oleh hidupan liar. Pendidikan dijangka dapat mengurangkan keperluan untuk menghukum pesalah yang lalai. Terdapat banyak cara melakukannya. Ini termasuk (i) ceramah awam di perkampungan sepanjang atau sekitar rangkaian, (ii) publisiti melalui media cetak dan elektronik, (iii) menyediakan papan tanda dan maklumat sepanjang laluan kawasan hidupan liar bagi mengurangkan atau mengelak kemalangan maut hidupan liar pada jalan dan (iv) mendapatkan pertubuhan bukan kerajaan untuk menganjurkan inisiatif bersama agensi dan penduduk sepanjang rangkaian tersebut.

Jadual 5.1 meringkaskan tanggungjawab dan fungsi utama dari aspek polisi, menjurus kepada penyelidikan dan kempen publisiti untuk koridor ekologi.

Jadual 5.1: Fungsi Tanggungjawab Utama untuk Rangkaian Ekologi

Tanggungjawab	Agensi
Membina Dasar Rangka kerja Keseluruhan untuk Rangkaian Ekologi	1. Majlis Bioteknologi Negara (MBN) 2. Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN)
Persiapan Pelan dan Program 1. Rumusan Program dan Garis Panduan Dasar 2. Penyediaan Pelan Induk keseluruhan 3. Penyediaan Pelan Pengurusan untuk Rangkaian Ekologi	1. NRE 2. JPBD dengan kerjasama agensi utama pemuliharaan seperti Jabatan Perhutanan, PERHILITAN dan NGO 3. PERHILITAN, Jabatan Perhutanan, JPBD dan NGOs
Agensi Perlaksanaan Rangkaian Ekologi	1. Jabatan Perhutanan, PERHILITAN, Perbadanan Taman Negeri, JKR, JPS
Rumusan Peraturan	1. PERHILITAN 2. Jabatan Perhutanan 3. Perbadanan Taman Negara
Pemantauan dan Pengawasan	1. PERHILITAN 2. Jabatan Perhutanan 3. Perbadanan Taman Negara
Pendidikan, Penyelidikan dan Publisiti	1. NRE, JPBD, PERHILITAN, Perbadanan Taman Negara, NGO

5.2 Strategi Pelaksanaan Rangkaian Ekologi dan Tanggungjawab

5.2.1 Prinsip Pelaksanaan

Mengikut objektif Rancangan Fizikal Negara untuk CFS Semenanjung Malaysia, rangkaian dalam CFS dikategori berdasarkan rangkaian utama dan sekunder yang mewakili kedudukan kepentingan pelaksanaan rangkaian tertentu.

Bagi memudahkan kewajaran pelaksanaan program, prinsip-prinsip berikut menjadi panduan membentuk latar belakang dalam menentukan pelaksanaan mekanisma untuk rangkaian ekologi CFS:-

Prinsip 1 : Melindungi hutan dan hidupan liar sedia ada.

Prinsip 2 : Memudahkan pergerakan hidupan liar.

Prinsip 3 : Memperkaya dan memantau pemuliharaan hutan dan hidupan liar.

Prinsip 4 : Pembiayaan mampan dan berterusan untuk memudahkan CFS.

Strategi pelaksanaan bagaimanapun berbeza di antara rangkaian utama dan rangkaian sekunder. Untuk rangkaian utama, di mana ia penting untuk menubuh dan/atau mengekalkan sambungan melalui penubuhan koridor linear, pelaksanaan mengikut prinsip dalam mendapatkan rangkaian mematuhi:

- i. Penubuhan koridor sebagai hutan terlindung dengan mewartakan tanah sebagai Rezab hidupan liar Kekal (di bawah seksyen 10 Akta Perhutanan Negara sebagai Hutan Perlindungan untuk Hidupan Liar);
- ii. Pengambilan tanah persendirian oleh kerajaan negeri dan menyimpannya sebagai Hutan Perlindungan untuk Hidupan Liar; dan
- iii. Mengintegrasikan jalan (dan laluan keretapi) dalam koridor dengan menyediakan infrastruktur untuk membolehkan lintasan hidupan liar seperti jejambat, lintasan bawah, terowong dan sebagainya.

Untuk rangkaian sekunder, di mana ia kurang penting atau boleh laksana untuk menubuh dan/atau mengekalkan sambungan, prinsip-prinsip pelaksanaan adalah:-

- i. Melindungi pulau hutan terpencil (hutan tanah negeri) dengan mewartakan sebagai Rezab Hidupan Liar Kekal di bawah Akta Hutan Negara;
- ii. Menubuhkan rangkaian ekologi di sepanjang sungai termasuk:-
 - mewartakan sungai di bawah Kanun Tanah Negara
 - menggalakkan pemilik swasta untuk memperuntukkan koridor riparian/habitat selepas rizab sungai melalui tanggungjawab sosial korporat; dan
- iii. Mengintegrasikan jalan dan laluan keretapi dalam koridor dengan menyediakan infrastruktur yang perlu untuk membolehkan lintasan hidupan liar seperti jejambat, lintasan bawah, terowong, dan sebagainya.

5.2.2 Tanggungjawab untuk Pelaksanaan

Mengikut rangka kerja institusi keseluruhan (Rajah 5.1), tanggungjawab pelaksanaan teras rangkaian ekologi yang dikenalpasti terletak pada NRE sebagai agensi utama keseluruhan, kedua-dua pada peringkat perancangan dan peringkat pelaksanaan sebenar. Agensi-agensi lain akan bertanggungjawab bergantung kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif untuk rangkaian khusus di mana ia akan mendahului peringkat ketiga (selepas Majlis di peringkat pertama dan NRE di peringkat kedua).

Dalam peringkat ketiga pelaksanaan, agensi-agensi utama adalah kerajaan negeri (terutama sekali dalam kes yang melibatkan perwartaan dan pemeliharaan hutan-hutan kepunyaan negeri-negeri, pengambilan balik tanah); JKR (contohnya melibatkan infrastruktur awam seperti jalan dan lebuh raya); JPS (dalam semua kawasan riparian); PERHILITAN (dalam aspek melibatkan hidupan liar dan penguatkuasaannya); dan Jabatan Perhutanan (dalam penghutan semula). Di peringkat ketiga, sesuatu agensi boleh mengambil peranan utama, agensi lain boleh memainkan peranan sekunder dan tidak perlu persaingan antara agensi ini.

Strategi pelaksanaan terperinci untuk rangkaian utama dan sekunder yang dikenalpasti diterangkan dalam Jadual 5.2. Bagaimanapun, untuk memulakan program pelaksanaan rangkaian yang dicadangkan, adalah penting bagi perkara berikut dilaksanakan sementara pelaksanaan sebenar setiap rangkaian itu dikenalpasti:-

- i. MPFN dan MBN menerima Pelan Induk CFS;
- ii. Semua rezab hidupan yang dikenalpasti membentuk kompleks hutan keseluruhan di mana rangkaian dicadangkan untuk dikekalkan;
- iii. MPFN memperkenalkan dasar menyeluruh untuk mengarahkan kerajaan negeri memberhentikan pertukaran kesemua tanah hutan negeri kepada penggunaan tanah yang lain) (*walaupun keberkesanan dasar ini belum lagi diuji*); dan
- iv. NRE memulakan tindakan selanjutnya termasuk rundingan dan perbincangan bersama Kerajaan Negeri.

Strategi Pelaksanaan untuk Rangkaian Utama dan Sekunder Bagi CFS1 dan CFS2

Jadual 5.2: Strategi Pelaksanaan untuk Rangkaian Utama dan Sekunder CFS1

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
PL1	MENGHUBUNG HS SUNGAI YU-HS TANUM-TAMAN NEGARA				
	1. Warta HS Tanum dalam kawasan `core` sebagai hutan perlindungan di bawah Seksyen 10 Akta Perhutanan Kebangsaan (NFA).	i) MMKN	i) Jabatan Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan sumber kewangan melalui pembalakan
	2. Mewartakan semua hutan negeri dalam kawasan `core` sebagai hutan perlindungan di bawah Seksyen 10 NFA dan hutan tanah negeri dalam kawasan `buffer` sebagai hutan simpan di bawah NFA.	i) MMKN	i) Jabatan Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN	i) Kehilangan sumber kewangan dari pemberian tanah untuk tujuan pertanian
	3. Mewartakan tanah hutan negeri dalam kawasan `core` sebagai hutan perlindungan di bawah Seksyen 10 NFA dan tanah penampakan sebagai hutan simpan di bawah NFA.	i) MMKN	i) Jabatan Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN	i) Kehilangan sumber kewangan dari pemberian tanah untuk tujuan pertanian
	4. Strategi jangka panjang: Melebarkan sempadan Taman Negara Pahang untuk memasukkan kawasan `core`.	i) MMKN	i) PERHILITAN	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan iii) Pinda Enakmen Taman Negara (Pahang)	i) Kehilangan sumber kewangan tanah kepada negeri

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
	5. Mewujudkan 50 meter rizab `riparian' di sepanjang Sg. Temau, Sg. Tanum dan Sg. Yu.	i) PTG	i) JPS ii) PERHILITAN	i) Ukur kawasan terlibat	
	6. Membina laluan binatang di km 1.3 (laluan atas) dan di km 3 (viaduct) dari jambatan Sg. Yu. Elakkan pembesaran jalan dalam kawasan rangkaian.	i) PERHILITAN	i) JKR	i) Sedia pelan terperinci (kejuruteraan, landskap dan perhutanan)	i) Kos tinggi ii) Spesis tertentu seperti harimau dan gajah mungkin tidak menggunakannya
	7. Pembangunan infrastruktur: meletak tanda jalan dan kawalan had laju di jalan raya.	i) JKR	i) PERHILITAN ii) Pihak Berkuasa Tempatan	i) Sedia tender	i) Masa perjalanan lebih panjang
	<ul style="list-style-type: none"> Mengawal pelebaran jalan dalam kawasan koridor 	i) JKR	i) Pihak Berkuasa Tempatan	i) Kaji semula pelebaran jalan dan program naik taraf lebuh raya	i) Perkhidmatan jalan lebih rendah
	8. Kawalan Pengurusan Gunatanah:				
	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat perladangan dalam kawasan rangkaian mempraktis amalan pertanian mampan (RSPO) dan perlu mendapat persijilan dan mengadakan koridor hidupan liar. 	i) Felda Chegar Perah ii) FELCRA Sg. Tanum		i) Kempen publisiti ii) Inisiatif CSR	i) Langkah masakini tidak boleh dikuatkuasakan

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
	<ul style="list-style-type: none"> Memantau program laluan hidupan liar. 	i) PERHILITAN	i) WWF/MNS	i) Buat penyelidikan dan dapatkan data tentang habitat hidupan liar	i) Hidupan liar tidak guna koridor
	<ul style="list-style-type: none"> Pembekuan segera ke atas pemberian tanah dan pembangunan dalam kawasan rangkaian dan lesen menduduki sementara (TOL) tidak diperbaharui. 	i) MMKN	i) PTG	i) Sedia kertas MMKN	i) Kehilangan sumber tanah ii) Bantahan penduduk tempatan
	<ul style="list-style-type: none"> Koridor hidupan liar dipromosi sebagai destinasi eko pelancongan di Taman Negara. 	i) PERHILITAN	i) Pelancongan negeri	i) Sedia bahan publisiti dan promosi ii) Bina kemudahan eko-pelancongan	i) Hidupan liar sensitif kepada persekitaran manusia
PL2	MENGHUBUNGKAN HS BELUM-HS ROYAL BELUM-HS TEMENGGOR				
	1. Melebar HS Belum untuk memasukkan HS Royal Belum dan warta sebagai hutan perlindungan.	i) MMKN	i). Perbadanan Taman Negeri Royal Belum	i) Sedia kertas MMKN	i) Kehilangan sumber pembalakan
	2. Melebar HS Gerik dan warta hutan negeri dan `scrub` sebagai hutan perlindungan.	i) MMKN	i) Jabatan Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN	i) Kehilangan sumber pembalakan

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
	3. Membina laluan hidupan liar `viaduct' atau `overpass'.	i) PERHILITAN	i) JKR	i) Sedia pelan terperinci (Kejuruteraan, Landskap dan Perhutanan)	i) Kos tinggi ii) Spesis tertentu seperti harimau dan gajah mungkin tidak menggunakannya
	4. Pembangunan infrastruktur: letak papan tanda dan kawalan had laju.	i) JKR	i) PERHILITAN	i) Sedia tender	i) Masa perjalanan lebih lama
	5. Kawalan Pengurusan Gunatanah:				
	<ul style="list-style-type: none"> Elakkan meluaskan lagi kawasan pertanian di sepanjang lebuh raya supaya faedah eko-pelancongan dan konservasi. 	i) MMKN	i) PTG	i) Sedia kertas MMKN	i) Bantahan dari penduduk tempatan dan agensi negeri ii) Kehilangan sumber tanah
	<ul style="list-style-type: none"> Wujudkan `checkpoints' di beberapa tempat di lebuh raya untuk mengelakan pemburuan. 	i) PERHILITAN	i) Jabatan Pengangkutan Jalan	i) PERHILITAN berkerjasama dengan JPJ	i) Kos ii) Pemburu elak `checkpoints'
	<ul style="list-style-type: none"> Pemantauan jangka panjang untuk kenalpasti laluan gajah. 	i) PERHILITAN	i) WWF	i) Wujud program pemantauan dan bajet ii) `Partnership' dengan agensi korporat	i) Bukan keutamaan dengan agensi pusat (EPU, Perbendaharaan)
	<ul style="list-style-type: none"> Wujudkan kawasan tinjau hidupan liar dan kemudahan pelancongan di tempat yang sesuai. 	i) PERHILITAN	i) WWF/ Korporat	i) Sedia pelan terperinci	i) Hidupan liar tidak ada di tempat tinjau

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
	<ul style="list-style-type: none"> • Mempromosi rangkaian ini sebagai `Jumbo Trail' selaras dengan Pelan Induk Nasional Eko Pelancongan. 	i) PERHILITAN	i) Pelancongan Malaysia	i) Sedia publisiti dan bahan promosi ii) Bina kemudahan eko-pelancongan	i) Hidupan liar sensitif dengan persekitaran manusia
PL3	MENGHUBUNGKAN HS LOJING-HS SG. BROK				
	1. Mewartakan hutan tanah negeri sebagai hutan simpan.	i) MMKN	i) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur tanah kawasan terlibat	i) Kehilangan sumber pembalakan
	2. Warta tanah kerajaan di bawah gunatanah `scrub' sebagai hutan simpan.	i) MMKN	i) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan sumber pembalakan
	3. Pembangunan infrastruktur: meletakkan tanda jalan dan kawalan had laju.	i) JKR	i) PERHILITAN	i) Sedia tender	i) Masa perjalanan lebih lama
	4. Mewujudkan rizab riparian di sepanjang sungai dalam koridor.	i) PTG	i) PERHILITAN ii) JPS	i) Ukur kawasan terlibat	i) Bantahan dari penduduk tempatan
	5. Kawalan pengurusan gunatanah: Rangkaian ekologi dipromosi sebagai eko-pelancongan untuk Lojing.	i) PERHILITAN	i) Pelancongan Negeri ii) Pelancongan Malaysia	i) Sedia bahan publisiti dan promosi ii) Bina kemudahan eko-pelancongan	i) Hidupan sensitif dengan persekitaran manusia

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
PL4	MENGHUBUNGKAN HS PADANG CHONG-SG. KUAH-HS BELUKAR SEMANG				
	1. Mewartakan hutan tanah negeri sebagai hutan simpan.	i) MMKN	i) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan sumber pembalakan
	2. Mewujudkan rizab riparian di sepanjang sungai dalam koridor.	i) PTG	i) PERHILITAN ii) JPS	i) Ukur kawasan terlibat	i) Bantahan penduduk tempatan
	3. Menjalankan menghutankan semula.	i) Perhutanan Negeri	i) Kem. Perladangan dan Komoniti	i) Sedia pelan perhutanan	i) Pilihan spesis pokok
	4. Pembangunan infrastruktur: meletakkan papan tanda jalan dan kawalan had laju.	i) JKR	i) PERHILITAN Negeri	i) Sedia tender	i) Masa perjalanan lama
	5. Kawalan Pengurusan Tanah:				
	• Petempatan manusia: tidak ada peluasan petempatan dalam kawasan koridor	i) PBT	i) JPBD	i) Pinda Rancangan Tempatan	i) Bantahan penduduk tempatan
	• Tanah pertanian: ladang getah mengikut amalan pertanian mampan (SAP).	i) Kem. Perladangan dan Komoniti	i) RISDA	i) Kempen publisiti ii) Inisiatif CSR	i) Langkah sedia ada tidak boleh dikuatkuasa
• Tidak ada perluasan aktiviti pertanian.	i) PTG	i) Jabatan Pertanian	i) Kaji semula pemberian tanah pertanian di kawasan ini	i) Bantahan penduduk tempatan	

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
PL5	MENGHUBUNGKAN HS ULU MUDA-HS GUNUNG INAS (BINTANG HIJAU)				
	1. Meluaskan HS Ulu Muda dan mewartakan hutan negeri sebagai hutan simpan.	i) MMKN	i) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN	i) Bantahan penduduk tempatan
	2. Meluaskan HS Gunung Inas dan mewartakan hutan negeri sebagai hutan perlindungan.	i) MMKN	i) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN	i) Kehilangan sumber pembalakan
	3. Pembangunan infrastruktur: meletakkan papan tanda jalan dan kawalan had laju.	i) JKR	i) PERHILITAN Negeri	i) Sedia tender	i) Lama masa perjalanan
	4. Kawalan Pengurusan Guna Tanah: Tanah pertanian mengamal amalan pertanian mampan ladang getah mengikut garis panduan SAP.	i) Kementerian Perladangan		i) Kempen publisiti ii) Inisiatif CSR	i) Langkah sedia ada tidak boleh dikuatkuasa
PL6	MENGHUBUNGKAN HS ULU JELAI-HS HULU LEMOI-HS BUKIT BUJANG-HS BUKIT JERUT				
	1. Mewartakan hutan negeri sebagai hutan simpan.	i) MMKN	i) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan sumber pembalakan
	2. Penghutanan semula kawasan yang telah lapang.	i) Perhutanan Negeri	i) FRIM	i) Sedia pelan perhutanan	i) Spesis pokok pilihan
	3. Wujud rizab riparian di sepanjang sungai dalam koridor.	i) PTG	i) PERHILITAN ii) JPS	i) Ukur kawasan terlibat	i) Bantahan penduduk tempatan

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
	4. Pembangunan infrastruktur: meletakkan papan tanda jalan dan kawalan had laju.	i) JKR	i) PERHILITAN	i) Sedia tender	i) Masa perjalanan lebih lama
	5. Kawalan Pengurusan Gunatanah: Mengawal tukar syarat tanah sepanjang jalan dalam rangkaian ekologi.	i) PTG	i) PBT	i) Pinda Rancangan Tempatan	i) Kehilangan sumber tanah
	6. Meningkatkan kawalan dan penguatkuasaan di sekitar viaduct bagi mengelakkan pemburuan.	i) PERHILITAN	i) PBT ii) NGO	i) Sedia bajet mencukupi	i) Hidupan liar sensitif kepada persekitaran manusia
	7. Tanah pertanian: ladang getah mengikut garis panduan pertanian mampan (SAP).	i) Kem. Perladangan		i) Kempen publisiti i) Inisiatif CSR	ii) Langkah sedia ada tidak boleh kuat kuasa
PL7	MENGHUBUNGKAN TAMAN NEGARA-HS LEBIR-HS TEMBAT (GREATER TAMAN NEGARA)				
	1. Mewartakan HS Lebir sebagai hutan perlindungan.	i) Perhutanan Negeri	i) PERHILITAN	i) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan hasil pembalakan
	2. Mewartakan hutan negeri sebagai hutan simpan.	i) MMKN	i) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan hasil pembalakan
	3. Pembangunan infrastruktur: meletak papan tanda jalan dan kawalan had laju di jalan raya.	i) JKR	i) PERHILITAN	i) Sedia tender	i) Masa perjalanan lebih lama

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
	4. Aktiviti pembangunan perlu dielakkan di sepanjang hutan `dry land` di antara persisiran Tasik Kenyir dan di sepanjang sempadan negeri Kelantan.	i) MMKN	i) PTG ii) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN	i) Kehilangan hasil tanah
	5. Ladang kelapa sawit dan getah perlu mengikuti garis panduan amalan pertanian mampan (SAP).	i) Kem. Perladangan	i) NRE	i) Kempen publisiti ii) Inisiatif CSR	i) Langkah sedia ada tidak boleh dikuatkuasa
	6. Mempromosi kawasan Taman Negara Kuala Koh dan Tasik Kenyir sebagai destinasi eko-pelancongan.	i) PERHILITAN	i) Pelancongan Negeri	i) Sedia bahan publisiti dan promosi ii) Sedia kemudahan eko-pelancongan	i) Hidupan liar sensitif kepada persekitaran manusia
PL8	MENGHUBUNG HS KENDERONG (BINTANG HIJAU)-HS BINTANG HIJAU (HULU PERAK)-HS BELUKAR SEMANG				
	1. Mewartakan hutan negeri sepanjang jalan dan `viaduct` sebagai hutan simpan.	i) MMKN	i) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan hasil pembalakan
	2. Menghutankan kawasan sekeliling `viaduct`.	i) Perhutanan Negeri	i) NGO ii) Korporat Malaysia	i) Sedia pelan perhutanan	i) Spesis pokok terpilih
	3. Wujud rizab `riparian` di sepanjang Sg. Rui.	i) PTG	i) PERHILITAN ii) JPS	i) Ukur kawasan terlibat	i) Bantahan penduduk tempatan

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
	4. Kawalan Pengurusan Guna Tanah: Memantau dan penguatkuasaan sekitar kawasan `viaduct`.	i) PERHILITAN	i) NGO ii) PBT	i) Program publisiti	i) Hidupan liar sensitif pada persekitaran manusia
	5. Wujud `artificial salt licks` tiruan dan menghutankan kawasan sekitarnya.	i) PERHILITAN	i) Perhutanan Negeri ii) NGO	i) Sedia bajet yang mencukupi	i) Terdedah kepada pemburuan
	6. Pembangunan infrastruktur: meletakkan tanda jalan dan kawalan had laju.	i) JKR	i) PERHILITAN	i) Sedia tender	i) Masa perjalanan lebih lama
	7. Sistem pengurusan taman diperbaiki melalui pembangunan sumber manusia.	i) Jabatan Perhutanan Negeri	i) NGO	i) Sedia program pembangunan sumber manusia	i) Kos operasi bertambah
PL9	MENGHUBUNGKAN HS BINTANG HIJAU LARUT MATANG-HS BINTANG HIJAU KUALA KANGSAR				
	1. Penghutanan semula tanah lapang	i) Perhutanan Negeri	i) Penduduk tempatan	i) Sedia pelan perhutanan	i) Spesis pokok terpilih
	2. Mewartakan rangkaian ekologi sebagai hutan simpan.	i) MMKN	i) Perhutanan Negeri	ii) Sedia kertas MMKN	
	3. Mewartakan hutan tanah negeri di sepanjang jalan sebagai hutan simpan.	i) MMKN	i) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN i) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan hasil pembalakan
	4. Pembangunan infrastruktur: meletakkan papan tanda jalan dan kawalan had laju.	i) JKR	i) PERHILITAN	i) Sedia tender	i) Masa perjalanan lebih lama

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
	5. Mewujudkan rizab `riparian' di sepanjang sungai dalam koridor.	i) PTG	i) PERHILITAN ii) JPS	i) Ukur kawasan terlibat	i) Bantahan dari penduduk tempatan
	6. Kawalan Pengurusan Gunatanah: memindahkan ladang rusa.	i) Jabatan Perkhidmatan Veterinar	i) PTG	i) Sedia pelan perpindahan	i) Kos bertambah
PL 10	MENGHUBUNGAN HS BUKIT LARUT - HS BUBU				
	1. Mewartakan hutan negeri sebagai hutan simpan	i) MMKN	i) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan hasil pembalakan
	2. Mewujudkan rizab riparian di sepanjang sungai	i) PTG	i) PERHILITAN ii) JPS	i) Ukur kawasan terlibat	i) Bantahan penduduk tempatan
	3. Pembangunan infrastruktur: meletakkan tanda jalan dan kawalan had laju.	i) JKR	i) PERHILITAN	i) Sedia tender	i) Masa perjalanan lebih lama
	4. Pengawasan Pengurusan Guna Tanah:				
	• Tanah Pertanian perlu mengikut Garis Panduan Pertanian Mampan	i) Kementerian Perladangan		i) Kempen publisiti ii) Inisiatif	i) Langkah sedia ada tidak boleh dikuatkuasa
	• Tidak dibenarkan perluasan aktiviti pertanian	i) PTG	i) Jabatan Pertanian	i) Kaji semula pemberian tanah pertanian di kawasan ini	i) Bantahan penduduk tempatan

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
PL 11	MENGHUBUNGKAN HS JERANGAU - HS JERANGAU				
	1. Mewartakan hutan negeri sebagai hutan simpan	i) MMKN	i) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan	i) Kehilangan hasil pembalakan
	2. Mengekalkan hutan simpan sediaada dan menjalankan penanaman semula hutan	i) Perhutanan Negeri	i) Penduduk tempatan	i) Sedia pelan perhutanan	i) Spesis pokok terpilih
	3. Pengawalan Pengurusan Guna Tanah:				
	• Tidak dibenarkan perluasan pertanian	i) PTG	i) Jabatan Pertanian	i) Kaji semula pemberian tanah pertanian di kawasan ini	i) Bantahan penduduk tempatan
	• Tidak dibenarkan peluasan petempatan manusia	i) PBT	i) JPBD	i) Pinda Rancangan Tempatan	i) Bantahan penduduk tempatan

2) Rangkaian Sekunder (SL)

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
SL1	MENGHUBUNG HS LEBIR-HS RELAI-HS ULU TEMIANG-HS SERASA-HS JENTIANG-HS GUNUNG STONG				
	1. Mewartakan hutan negeri sebagai hutan simpan dalam koridor	i) MMKN	i) PTG ii) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii)Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan hasil pembalakan
	2. Mewartakan tanah 'scrub' sebagai hutan simpan dalam koridor	i) MMKN	i) PTG ii) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii)Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan hasil pembalakan
	3. Mewartakan Gua Ikan (batu kapur) sebagai sebahagian dari HS Serasa.	i) MMKN	i) Perhutanan Negeri	i) Ukur kawasan terlibat	
	4. Mewujudkan rizab riparian di sepanjang sungai dalam koridor	i) PTG	i) PERHILITAN ii) JPS	i) Ukur kawasan terlibat	
	5. Pembangunan Infrastruktur dengan menyediakan papan tanda jalan dan perangkap had laju	i) JKR	i) PERHILITAN	i) Sedia tender	i) Masa perjalanan lebih lama
	6. Pengawasan Pengurusan Guna Tanah:				
	<ul style="list-style-type: none"> Tanah Pertanian: Ladang getah perlu mengikut Garis Panduan Pertanian Mampan 	i) Kem. Perladangan		i) Kempen publisiti ii) Inisiatif CSR	i) Langkah sedia ada tidak boleh dikuatkuasa

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
	<ul style="list-style-type: none"> Penempatan Manusia: Tidak dibenarkan perluasan kawasan sedia ada di sepanjang koridor 	i) PTG	i) JPBD ii) PBT	i) Pinda Rancangan Tempatan	i) Bantahan dari penduduk tempatan
	7. Membangunkan Gua Ikan sebagai tarikan eko-pelancongan.	i) PERHILITAN	i) Pelancongan Negeri	i) Sedia bahan promosi dan publisiti	i) Hidupan liar sensitif pada persekitaran manusia
SL2	MENGHUBUNG HS KRAU-HS SOM-HS YONG-HS BENCHAH-HS KERAMBIT-HS GUNUNG BENON				
	1. Mewartakan hutan negeri sebagai hutan simpan dalam koridor	i) MMKN	i) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan sumber pembalakan
	2. Mewartakan tanah 'scrub' sebagai sebahagian hutan simpan dalam koridor	i) MMKN	i) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan sumber pembalakan
	3. Mewartakan koridor yang dikenalpasti sebagai sebahagian Rezab Hidupan Liar Krau	i) MMKN	i) PERHILITAN	i) Sedia kertas kerja untuk menteri	i) Kerajaan negeri tidak bersetuju dengan cadangan
	4. Mewujudkan rezab riparian di sepanjang Sg. Som; Sg. Kenong, Sg. Darah, Sg. Ceka (Kuala Som ke Kuala Rengat). Rezab riparian perlu mempunyai kelebaran minima 50m di kedua-dua belah sungai	i) PTG	i) PERHILITAN ii) JPS	i) Ukur kawasan terlibat	i) Bantahan dari pemilik tanah

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
	5. Pembangunan Infrastruktur:				
	<ul style="list-style-type: none"> Membina laluan untuk binatang kecil di sepanjang jalan 	i) JKR	i) PERHILITAN	i) Sedia pelan terperinci (kejuruteraan, landskap, perhutanan)	i) Vandalism
	<ul style="list-style-type: none"> Tidak membenarkan pelebaran jalan dalam koridor 	i) JKR	i) PBT	i) Kaji semula cadangan pelebaran jalan	i) Perkhidmatan jalan yang lebih rendah
	<ul style="list-style-type: none"> Meletakkan papan tanda jalan dan perangkap laju 	i) JKR	i) PERHILITAN	i) Sedia tender	i) Masa perjalanan lebih lama
	6. Pengurusan Hutan:				
	<ul style="list-style-type: none"> Penanaman semula dan memperbanyakkan pokok di atas rezab riparian. 	i) FRIM	i) PERHILITAN ii) Korporat Malaysia iii) NGO	i) Sedia bajet mencukupi	i) Spesis pokok terpilih
	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dibenarkan nyahwarta ke atas HS Som, HS Hulu Mas, HS Bukit Taching, HS Jerantut Tambahan, HS Kerambit, dan HS Krau. 	i) MMKN	i) Perhutanan Negeri	i) Elak pembangunan terlalu dekat dengan hutan	
	7. Pengurusan Guna Tanah :				

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
	<ul style="list-style-type: none"> Tanah Pertanian: Ladang getah perlu mengikut garis panduan pertanian mampan 	i) MP&C	i) RISDA	i) Kempen publisiti ii) Inisiatif CSR	i) Langkah sedia ada tidak boleh dikuatkuasa
	<ul style="list-style-type: none"> Petempatan Manusia: Memperkenalkan pengurusan zon khas untuk mengurangkan konflik manusia - hidupan liar 	i) PBT	i) PERHILITAN ii) NGO	i) Sedia pelan terperinci	
	<ul style="list-style-type: none"> Eko-pelancongan: Mempromosikan koridor hidupan liar sebagai tarikan kepada Taman Negara (Jerantut) dan Taman Kenong Rimba (Taman Negeri Pahang). Bina menara tinjau. 	i) PERHILITAN	i) PBT ii) Pelancongan Negeri	i) Sedia bahan promosi dan publisiti ii) Bina kemudahan pelancongan	i) Hidupan liar sensitif pada persekitaran manusia
SL3	MENGHUBUNGKAN HS BINTANG HIJAU (HULU PERAK)-HS PAPULUT-HS PIAH				
	1. Mewartakan hutan negeri sebagai hutan simpan dalam koridor	i) MMKN	i) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan sumber pembalakan
	2. Mewujudkan rezab riparian di sepanjang sungai dan tasik di dalam koridor	i) PTG	i) PERHILITAN	i) Ukur kawasan terlibat	
	3. Pembangunan Infrastruktur : Meletakkan papan tanda jalan dan melaksanakan perangkap had laju	i) JKR	i) PERHILITAN	i) Sedia tender	i) Masa perjalanan lebih lama
	4. Pengurusan Guna Tanah :				

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
	<ul style="list-style-type: none"> Ladang getah mengikut garis panduan pertanian mampan 	i) MP&C	i) RISDA ii) Ladang getah	i) Kempen publisiti ii) Inisiatif CSR	i) Langkah sedia ada tidak boleh dikuatkuasa
	<ul style="list-style-type: none"> Tidak dibenarkan perluasan aktiviti pertanian di dalam kawasan koridor 	i) MP&C	i) RISDA ii) Ladang getah	i) Kempen publisiti ii) Inisiatif CSR	i) Langkah sedia ada tidak boleh dikuatkuasa
	<ul style="list-style-type: none"> Petempatan manusia: Tidak dibenarkan perluasan kawasan petempatan di dalam kawasan koridor 	i) PTG	i) Jabatan Pertanian	i) Pinda Rancangan Tempatan	i) Bantahan dari penduduk tempatan
SL4	MENGHUBUNGKAN HS JERANGAU-HS PASIR RAJA BARAT-HS BESUL TAMBAHAN-HS BESUL-HS BUKIT BAUK				
	1. Mewartakan hutan negeri sebagai hutan simpan dalam koridor	i) MMKN	i) PTG ii) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan hasil pembalakan
	2. Mewujudkan rezab riparian di sepanjang sungai dalam koridor	i) PTG	i) PERHILITAN	i) Ukur kawasan terlibat	
	3. Pengurusan Hutan: Memulihara 'wetlands'	i) PTG	i) JPBD ii) PBT	i) Sedia pelan terperinci	
	4. Pembangunan Infrastruktur: Meletakkan papan tanda jalan dan melaksanakan perangkap had laju	i) JKR	i) PERHILITAN	i) Sedia tender	i) Masa perjalanan lebih lama
	5. Pengurusan Guna Tanah:				
	<ul style="list-style-type: none"> Tanah Pertanian: 				

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
	i. Pemilik ladang kelapa sawit dan getah perlu mengikut garis panduan pertanian mampan	i) Kem. Perladangan dan Komaniti	i) RSPO ii) RISDA iii) Ladang	i) Kempen publisiti ii) Inisiatif CSR	i) Langkah sedia ada tidak boleh dikuatkuasa
	ii. Penanaman padi perlu mengamalkan garis panduan pertanian mampan	i) Jabatan Pertanian	i) Pejabat Tanah	i) Sedia garis panduan	i) Bantahan dari penduduk tempatan
	iii. Tidak dibenarkan perluasan aktiviti pertanian dalam koridor	i) PTG	i) Jabatan Pertanian	i) Pinda Rancangan Tempatan	i) Bantahan dari penduduk tempatan
	• Petempatan Manusia: Tidak dibenarkan perluasan kawasan petempatan di dalam kawasan koridor	i) PTG	i) JPBD ii) PBT	i) Pinda Rancangan Tempatan	i) Bantahan dari penduduk tempatan
SL5	MENGHUBUNGKAN HS PAK KANCIL-HS HULU SETIU				
	1. Mewartakan hutan negeri sebagai hutan simpan dalam koridor	i) MMKN	i) PTG ii) Jabatan Perhutanan	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan hasil pembalakan
	2. Mewartakan tanah 'scrub' sebagai sebahagian dari hutan simpan dalam koridor	i) MMKN	i) PTG ii) Jabatan Perhutanan	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan hasil pembalakan
	3. Pengurusan Guna Tanah:				
	• Tanah pertanian:				

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
	i. Pemilik ladang kelapa sawit dan getah perlu mengikut garis panduan pertanian mampan	i) Kementerian Perladangan	i) Perladangan ii) RSPO i) RISDA	i) Kempen publisiti ii) Inisiatif CSR	i) Langkah sedia ada tidak dikuatkuasa
	ii. Tidak dibenarkan perluasan aktiviti pertanian di dalam kawasan koridor	i) PTG ii) PBT	i) Jabatan Pertanian	i) Pinda Rancangan Tempatan	i) Bantahan dari penduduk tempatan
	iii. Pemeliharaan semua kawasan wetlands.	i) PTG	i) JPBD ii) PBT iii) Wetlands Malaysia	i) Sedia pelan terperinci	
SL6	MENGHUBUNGAN HS GUNUNG NABONG-HS CHIKU-HS RELAI-TAMAN NEGARA				
	1. Mewartakan hutan negeri sebagai hutan simpan dalam koridor	i) MMKN	i) PTG ii) Jabatan Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan hasil pembalakan
	2. Mewartakan tanah 'scrub' sebagai sebahagian dari hutan simpan dalam koridor	i) MMKN	i) PTG ii) Jabatan Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan hasil pembalakan
	3. Mewujudkan rezab riparian di sepanjang sungai dalam koridor	i) PTG	i) PERHILITAN	i) Ukur kawasan terlibat	
	4. Pembangunan Infrastruktur: Meletakkan papan tanda jalan dan melaksanakan perangkap had laju	i) JKR	i) PERHILITAN	i) Sedia tender	i) Masa perjalanan lebih lama
	5. Pengurusan Guna Tanah:				

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
	i. Pemilik ladang kelapa sawit dan getah perlu mengikut garis panduan pertanian mampan	i) Kem. Perladangan dan Komoniti	i) Perladangan ii) RISDA ii) RSPO	i) Kempen publisiti ii) Inisiatif CSR	i) Langkah sedia ada tidak boleh dikuatkuasa
	ii. Tidak dibenarkan perluasan aktiviti pertanian di dalam kawasan koridor	i) PTG	i) Jabatan Pertanian	i) Pinda Rancangan Tempatan	i) Bantahan dari penduduk tempatan
	iii. Tidak dibenarkan perluasan petempatan manusia	i) PTG	i) JPBD ii) PBT		i) Bantahan dari penduduk tempatan
SL7	MENGHUBUNGKAN HS ULU MUDA-HS PEDU-HS CHEBAR				
	1. Mewartakan hutan negeri sebagai hutan simpan dalam koridor	i) MMKN	i) PTG ii) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan hasil pembalakan
	2. Mewartakan tanah 'scrub' sebagai sebahagian dari hutan simpan dalam koridor.	i) MMKN	i) PTG ii) Perhutanan Negeri	i) Sedia kertas MMKN ii) Ukur kawasan terlibat	i) Kehilangan hasil pembalakan
	3. Mewujudkan rezab riparian di sepanjang sungai dan tasik dalam koridor	i) PTG	i) PERHILITAN ii) JPS	i) Ukur kawasan terlibat	
	4. Pembangunan Infrastruktur: Meletakkan papan tanda jalan dan melaksanakan perangkap laju	i) JKR		i) Sedia tender	i) Masa perjalanan lebih lama
	5. Pengurusan Hutan: Mencegah pembalakkan di HS Ulu Muda.	i) Perhutanan Negeri	i) PERHILITAN ii) NGO	i) Sedia pelan pengurusan hutan	i) Bantahan dari syarikat balak

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
	6. Pengurusan Guna Tanah:				
	• Mengawasi aktiviti pertanian	i) PTG	i) Jabatan Pertanian	i) Pinda Rancangan Tempatan	i) Bantahan dari penduduk tempatan
	• Mempromosi aktiviti eko-pelancongan	i) PERHILITAN	i) PBT ii) Pelancongan Negeri	i) Sedia bahan publisiti dan promosi	i) Hidupan liar sensitif kepada persekitaran manusia
	• Mengawal pengurusan kawasan tadahan air	i) PTG	i) JPS ii) SPAN	i) Sedia pelan terperinci	i) Kehilangan hasil pembalakan
SL8	MENGHUBUNGKAN HS ULU MUDA-HS RIMBA TELUI				
	1. Mewartakan hutan negeri sebagai hutan simpan dalam koridor	i) MMKN	i) PTG	i) Sedia kertas MMKN	i) Kehilangan hasil pembalakan
	2. Pembangunan Infrastruktur: Meletakkan papan tanda jalan dan melaksanakan perangkap had laju.	i) JKR		i) Sedia tender	i) Masa perjalanan lebih lama
	3. Pengurusan Guna Tanah:				
	• Tanah Pertanian:				
	i. Pemilik ladang kelapa sawit dan getah perlu mengikut garis panduan pertanian mampan	i) Kem. Perladangan dan Komoniti	i) Perladangan ii) RISDA iii) RSPO	i) Kempen publisiti ii) Inisiatif CSR	i) Langkah sedia ada tidak boleh dikuatkuasa
	ii. Tiada dibenarkan perluasan aktiviti pertanian	i) PTG	i) Jabatan Pertanian	i) Pinda Rancangan Tempatan	i) Bantahan dari penduduk tempatan

BIL./NAMA RANGKAIAN MENGIKUT TAHAP	STRATEGI PELAKSANAAN	AGENSI PELAKSANAAN		TINDAKAN/TUGAS SELANJUTNYA	FAKTOR RISIKO UTAMA
		AGENSI UTAMA	AGENSI/JABATAN SOKONGAN		
